



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.idn.gov.my
E-mel : fazidah@digital.gov.my

Ruj Kami: JDN.100-1/7/1(23)

Tarikh : 27 Mac 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 *ROLLING PLAN 2* (RP2) TAHUN 2027

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Jabatan Digital Negara (JDN) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 pada 26 April 2024.

3. Selaras dengan itu, bagi membantu melicinkan pelaksanaan garis panduan tersebut, JDN telah mengeluarkan Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 *Rolling Plan 1* (RP1) Tahun 2026 pada 12 Julai 2024.

4. Bagi meneruskan kesinambungan pengurusan dan perolehan projek ICT, **Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 *Rolling Plan 2* (RP2) Tahun 2027** ini dikeluarkan untuk rujukan Kementerian/agensi seperti di **Lampiran A**.

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memanjangkan tatacara ini kepada semua agensi di bawah Kementerian masing-masing.


6. Perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p: Mohd Farid bin Mohd Arif)

YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 5 Blok Utara,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
2. **YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya
3. **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya
4. **YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
5. **YBhg Dato' Seri Azman bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Aras 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

6. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Aras 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
7. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya
8. **YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra 1
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya
9. **YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
10. **YBhg. Datuk Haji Ruji Bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

11. **YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya
12. **YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
13. **YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
14. **YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
15. **YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

16. **YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11, (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya
17. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
18. **YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
19. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
20. **YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

21. **YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
22. **YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
23. **YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya
24. **YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya
25. **YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

26. **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No 47, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
27. **YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
28. **YBhg. Tuan Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 Putrajaya

LAMPIRAN A

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 *ROLLING PLAN 2 (RP2)* TAHUN 2027

1. TUJUAN

Tatacara ini merupakan perincian pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 (Tahun 2026-2030) bertarikh 26 April 2024 yang telah diedarkan kepada Kementerian/Agensi sektor awam sebagai panduan pelaksanaan permohonan projek ICT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan mekanisme dalam pengurusan, penilaian dan pemantauan projek ICT sektor awam, terdapat keperluan terhadap perubahan proses dan tatakelola perolehan ICT sedia ada. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bersama Jabatan Digital Negara (JDN) telah membuat penambahbaikan terhadap Tatakelola Perolehan ICT yang melibatkan proses kelulusan teknikal Jawatankuasa Pemandu ICT (JP ICT) Kementerian dan Agensi/Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dilaksanakan sebelum permohonan Peruntukan kepada Kementerian Ekonomi atau MOF.

2.2 Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 telah diedarkan kepada

semua Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) pada 30 April 2024.

- 2.3 Garis Panduan tersebut terpakai untuk proses kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICT/JTISA bagi permohonan Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus yang menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan serta projek yang dilaksanakan secara *Public Private Partnership* (PPP) dan projek *in-house*.
- 2.4 Selaras dengan itu, Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 *Rolling Plan* 1 (RP1) Tahun 2026 telah dikeluarkan pada 12 Julai 2024.
- 2.5 Bagi meneruskan kesinambungan pengurusan dan perolehan projek ICT, Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 *Rolling Plan* 2 (RP2) Tahun 2027 ini dikeluarkan sebagai panduan.

3. SKOP DAN TEMPOH PELAKSANAAN

- 3.1 Pelaksanaan **Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 RP2 Tahun 2027** akan memfokuskan kepada **permohonan Peruntukan Pembangunan (DE)** dan **Peruntukan Mengurus (OE)** sebagaimana Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 *Rolling Plan* 1 (RP1) Tahun 2026.
- 3.2 Selain pelaksanaan bagi projek yang menggunakan Peruntukan DE dan OE, tatacara ini juga terpakai bagi

pelaksanaan projek konsesi di bawah *Public Private Partnership* (PPP) yang berpandukan Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

- 3.3 Pelaksanaan projek secara *in-house* menyumbang penjimatan kos kepada Kerajaan dan pelaksanaannya hendaklah dipantau oleh JPICT Kementerian/Agensi serta dimaklumkan secara rasmi kepada JTISA .
- 3.4 Tempoh masa pelaksanaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT bagi tujuan permohonan Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Tempoh Masa Pelaksanaan Kelulusan Teknikal Projek ICT Bagi Permohonan Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus

JENIS PERUNTUKAN	PERINGKAT KELULUSAN	TEMPOH MASA
Peruntukan Pembangunan	JPICT Kementerian	April 2025 - Januari 2026 (sebelum tarikh mula permohonan Peruntukan Pembangunan oleh Kementerian Ekonomi)
	JTISA	April 2025 – September 2025
Peruntukan Mengurus	JPICT Kementerian	April 2025 - Mac 2026 (sebelum tarikh mula permohonan Peruntukan Mengurus oleh MOF)
	JTISA	April 2025 – September 2025

4. PERANAN DAN TINDAKAN KEMENTERIAN/AGENSI

4.1 Peranan dan tindakan Kementerian/Agensi dalam pelaksanaan tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT adalah seperti berikut:

a. **JPICT melaksanakan penilaian dengan memberi keutamaan** kepada projek ICT yang memenuhi kriteria berikut:

- (i) Projek kritikal dan berimpak tinggi yang memberi kesan kepada rakyat seperti kesihatan awam, pendidikan rakyat, keselamatan negara dan kepentingan ekonomi negara;
- (ii) Projek kesinambungan yang memerlukan penggantian peralatan dan perisian ICT yang telah usang (melebihi 10 tahun), *End of Life* (EOL) dan *End of Support* (EOS) yang tidak menguntungkan untuk dibaiki;
- (iii) Projek ICT yang menjurus ke arah *Enterprise Architecture* (EA) Kerajaan bagi mengelakkan pertindihan fungsi aplikasi (perkhidmatan digital), penyimpanan data dan penggunaan platform teknologi secara optimum;
- (iv) Projek ICT yang mengutamakan penggunaan perkhidmatan gunasama Kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk jangka masa panjang (contoh MyGovUC,


MyGovCloud@PDSA, MyGovernment Portal dan MyGDX) dan tertakluk kepada tanggungan kos perkhidmatan oleh Jabatan Digital Negara (JDN);

- (v) Projek bukan merupakan sistem sokongan fungsi generik agensi sektor awam yang telah dibangunkan dan digunakan oleh agensi sektor awam (contoh sistem kehadiran);
 - (vi) Projek perkhidmatan kajian dilaksanakan secara dalaman oleh agensi dengan kerjasama perundingan JDN dan kepakaran ICT sektor awam; dan
 - (vii) Projek yang mengambil kira teknologi baharu dalam pembangunan perkhidmatan digital kerajaan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
- b. **Mengemukakan permohonan kelulusan teknikal** projek ICT RMKe-13 RP2 yang lengkap melalui **Sistem PROFIT** dengan menggunakan templat permohonan JTISA yang boleh dimuat turun melalui portal JDN.
- c. Memastikan **perancangan projek ICT selaras** dengan **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam** dan **Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian/Agensi** yang sedang berkuatkuasa

- d. Memastikan cadangan projek mengambil kira **perkhidmatan digital bersepadu** (Whole of Government (WoG)).
- e. Memastikan **tiada pertindihan antara sistem aplikasi** yang ingin dibangunkan dengan sistem aplikasi sedia ada di agensi sektor awam melalui semakan dalam Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Kementerian/Agensi boleh menghubungi pmo.bppd@jdn.gov.my berkaitan perkara ini.

5. CARTA ALIR PELAKSANAAN

- 5.1 Carta alir pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 RP2 Tahun 2027 adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1 Carta Alir Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 RP2 Tahun 2027

6. TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 RP2 TAHUN 2027

6.1 Tatacara pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 RP2 Tahun 2027 untuk Peruntukan Pembangunan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 RP2 Tahun 2027 Bagi Peruntukan Pembangunan

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
Peruntukan Pembangunan (DE) Bagi Pelaksanaan Projek Pada Tahun 2027				
1. Perancangan projek ICT	Melaksanakan perancangan untuk membangunkan perkhidmatan ICT	Kementerian/ Agensi	Januari hingga Disember	Memastikan tiada pertindihan aplikasi bagi projek ICT yang dipohon dengan merujuk kepada Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pmo.bpppd@jdn.gov.my
2. Penyediaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT RMKe-13 RP2	Penyediaan spesifikasi teknikal dan anggaran kos bagi projek ICT baharu	Kementerian/ Agensi	Januari 2025 hingga Disember 2025	Penyediaan permohonan menggunakan templat JTISA dan membuat rujukan berikut: (a) Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital (Service Design) di pautan https://standard.digital.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi standard@jdn.gov.my (b) Katalog anggaran harga di pautan https://profit.jdn.gov.my atau kajian pasaran yang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi bagi anggaran kos. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi kosictsa@jdn.gov.my (c) FAQ Tatakelola RMKe-13 di pautan

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				https://www.idn.gov.my/jawatankuasa-teknikal-ict-sektor-awam-jtisa/ Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urussetiajtisa@idn.gov.my Penafian: Rujukan (a) hingga (c) merupakan panduan asas kepada Kementerian/Agensi semasa penyediaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT dan membuat anggaran harga. Dokumen ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa
3. Permohonan kelulusan teknikal projek ICT	(a) Penilaian oleh JPICIT Kementerian	Kementerian/ Agensi	April 2025 hingga Januari 2026 atau sebelum tarikh mula permohonan Peruntukan Pembangunan yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi	(a) Permohonan adalah melalui Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) di https://profit.idn.gov.my (b) Permohonan di luar had nilai JTISA akan menggunakan kelulusan teknikal dan syor Peruntukan JPICIT Kementerian bagi tujuan permohonan Peruntukan kepada Kementerian Ekonomi Rujukan: Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 (SPA 7 Tahun 2024) Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam
	(b) Permohonan kepada JDN	Kementerian/Agensi	April 2025 hingga September 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN	Permohonan melalui PROFIT berdasarkan kelulusan JPICT Kementerian bagi permohonan projek mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
	(c) Penilaian oleh JDN	JDN/JTISA	April 2025 hingga Januari 2026	Penilaian peringkat JTISA bagi permohonan yang mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
	(d) Konsolidasi semua permohonan oleh JDN Nota: Konsolidasi akan dilaksanakan selepas memperolehi kelulusan teknikal	JTISA	Februari 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi	Urus setia JTISA melaksanakan konsolidasi semua projek yang diluluskan JPICT/JTISA dan syor Peruntukan. Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
4. Permohonan kelulusan Peruntukan pembangunan	Permohonan kelulusan Peruntukan kepada Kementerian Ekonomi	Kementerian/Agensi	Mac 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh	(a) Permohonan melalui Sistem MyProjek oleh Kementerian/agensi

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
			Kementerian Ekonomi	(b) Pemeriksaan Peruntukan Kementerian Ekonomi dan Kementerian/Agensi dilaksana pada bulan Mei 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi (c) Kelulusan Peruntukan pada Januari 2027 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi
5. Perolehan dan pelaksanaan projek	Perolehan pelaksanaan RMKe-13 RP2 dan projek	Kementerian/ Agensi	Januari/Februari 2027	Projek dilaksana oleh Kementerian/Agensi setelah peruntukan diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

- 6.3 Tatacara pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Tahun 2027 untuk Peruntukan Mengurus adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Tahun 2027 Bagi Peruntukan Mengurus

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
Peruntukan Mengurus (OE) Bagi Pelaksanaan Projek Pada Tahun 2027				
1. Perancangan projek ICT	Melaksanakan perancangan untuk membangunkan perkhidmatan ICT	Kementerian/ Agensi	Januari hingga Disember	Memastikan tiada pertindihan aplikasi bagi projek ICT yang dipohon dengan merujuk kepada Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pmo.bppd@jdn.gov.my
2. Penyediaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT	(a) Penyediaan spesifikasi teknikal dan anggaran kos bagi projek ICT – Dasar Baru/ One-Off dan Dasar Sedia Ada yang belum mempunyai kelulusan teknikal (b) Sekiranya permohonan projek ICT menggunakan Peruntukan Mengurus bagi Dasar Sedia Ada dan belum mendapat kelulusan teknikal ICT perlu diangkat untuk kelulusan	Kementerian/ Agensi	Januari 2025 hingga Disember 2025	Penyediaan permohonan menggunakan templat JTISA dan membuat rujukan berikut: (a) Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital (Service Design) di pautan https://standard.digital.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi standard@jdn.gov.my (b) Katalog anggaran harga di pautan https://profit.jdn.gov.my atau kajian pasaran yang dilaksanakan oleh Kementerian/agensi bagi anggaran kos. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi kosictsa@jdn.gov.my (c) FAQ Tatakelola RMKe-13 di pautan https://www.jdn.gov.my/jawatankuasa-teknikal-ict-sektor-awam-jtisa/

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
			atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN	permohonan projek mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
	(c) Penilaian oleh JDN	JDN/JTISA	April 2025 hingga Januari 2026	Penilaian peringkat JTISA bagi permohonan mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
	(d) Konsolidasi semua permohonan oleh JDN Nota: Konsolidasi akan dilaksanakan selepas memperolehi kelulusan teknikal	JTISA	April 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF	Urus setia JTISA melaksanakan konsolidasi semua projek yang diluluskan JPIC/JTISA dan syor peruntukan. Rujukan: SPA 7 Tahun 2024
	4. Permohonan kelulusan Peruntukan Mengurus	Kementerian/Agensi	Mei 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF	(a) Permohonan Peruntukan Mengurus kepada MOF (b) Semakan Peruntukan MOF dan Kementerian/Agensi dilaksanakan pada bulan Mei 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				(c) Kelulusan Peruntukan pada Januari 2027 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF
5. Perolehan dan pelaksanaan projek	Perolehan pelaksanaan ICT dan projek	Kementerian/Agensi	Januari/Februari 2027	Projek dilaksana oleh Kementerian/Agensi setelah peruntukan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

7. PENUTUP

7.1 Tatacara ini disediakan sebagai perincian pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 yang perlu dibaca bersekali.

7.2 Sekiranya Kementerian/Agensi menghadapi sebarang masalah berkaitan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 RP2 Tahun 2027, pertanyaan melalui e-mel boleh dikemukakan kepada urussetiajtisa@jdn.gov.my.

**Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur Digital
Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital**

28 Mac 2025